

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : DISCOVERY LEARNING CENTER
FUNGSI : *DISCOVERY @ PENEROKAAN*
TAJUK : LAWATAN-MUZUIM TENTERA DARAT –
 (PORT DICKSON)

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	SA 2.1	Membuat pemerhatian menggunakan kelima-lima deria
2	STANDARD PEMBELAJARAN	SA 2.1.1	Memerhati persekitaran menggunakan deria: i penglihatan ii pendengaran iii sentuhan iv bau v rasa
3	STREAM	S	Meneroka dan membuat inferens bahan pameran dalam muzium, contohnya pakaian tentera.
		T	Bas, kamera, peralatan ketenteraan
		R	Sabar, keselamatan, menghargai, menghormati dan disiplin.
		E	Mengenalpasti peralatan dan kelengkapan ketenteraan.
		A	Buku cerita – Lawatan Saya ke Muzium Tentera Darat
		M	Konsep ruang, masa, bentuk, saiz
4	OBJEKTIF	Kanak-kanak dapat melihat dan mengenal pasti pelbagai pakaian tentera darat.	
5	BBM	Kertas A4 bewarna, gam, alat tulis	
6	NILAI MURNI	Bertolak ansur dan sabar	

7

STRATEGI

1. Kanak-kanak dan guru berkongsi pengalaman dengan membina web aktiviti peralatan ketenteraan.
2. Berbincang dengan kanak-kanak tentang perkara yang perlu dibuat sebelum, semasa dan selepas lawatan.

Sebelum Lawatan

1. Memilih tarikh, masa dan tempat lawatan.
2. Mesyuarat bersama ibu bapa.
3. Surat kebenaran dari pihak pengurusan KEMAS.
4. Surat makluman lawatan kepada pengurusan tempat yang di lawati.
5. Surat kebenaran kepada ibu bapa.
6. Tempahan pengangkutan /makan minum.
7. Senarai semak keperluan lawatan.
8. Soalan kanak-kanak kepada pakar.
9. Jurnal lawatan kanak-kanak.

Semasa Lawatan

1. Mengambil kedatangan kanak-kanak dan pengiring sebelum menaiki kenderaan.
2. Membaca doa menaiki kenderaan.
3. Kanak-kanak dan pengiring bergerak mengikut kumpulan yang di tetapkan.
4. Setiap kumpulan bergerak mengikut aturcara program oleh pihak pengurusan.
5. Kanak-kanak membuat pemerhatian, penerokaan dan bersoaljawab tentang pelbagai peralatan tentera yang terdapat di dalam muzium.
6. Kanak-kanak bertanya soalan kepada “kurator” muzium daripada soalan yang telah dibincangkan di kelas.
7. Guru mengambil gambar dan mencatat maklumat yang berkaitan dengan lawatan.

8. Kanak-kanak dan guru mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan.

Selepas Lawatan

1. Guru dan kanak – kanak berkongsi pengalaman semasa lawatan menggunakan peta minta.

2. Kanak – kanak menceritakan semula tentang pakaian Angkatan Tentera Malaysia seperti yang dilihat semasa lawatan ke Muzium Tentera.

3. Kanak-kanak diminta untuk melukis pengalaman mereka semasa lawatan ke Muzium Tentera darat.

4. Setiap kanak-kanak akan berkongsi maklumat tentang lukisan mereka dan guru akan mencatat di bawah gambar yang mereka lukis.

5. Setiap lukisan kanak-kanak akan di kumpul dan disusun untuk dijilid sebagai sebuah buku cerita.

6. Kanak-kanak diminta untuk berkongsi lukisan dan cerita mereka daripada buku yang sudah dijilid.

7. Kanak-kanak menceritakan hasil kerja mereka di dalam kumpulan.

8 . Buku Cerita dipamerkan di dalam pusat pembelajaran.

Nota:

- ***guru boleh menyediakan bbm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian***

